

UTeM/SH/044/2021

SEBUT HARGA PELANTIKAN PANEL BAGI KERJA-KERJA MENGETUK, MENYIMEN DAN MENGECAT SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN UNTUK KENDERAAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA.

Tarikh Sebut Harga Dipamer	7 OKTOBER 2021		
Tarikh Sebut Harga Dijual	7 OKTOBER 2021 HINGGA 10 NOVEMBER 2021		
Tarikh & Masa Sebut Harga Ditutup	11 NOVEMBER 2021 Jam 12:00 Tengahari	Harga Naskah Meja	RM18.00
Tempoh Penerimaan Dokumen Tawaran	8 HINGGA 11 NOVEMBER 2021 (Sebelum Jam 12:00 Tengah hari)		

WAKTU PEMBELIAN NASKAH SEBUT HARGA UTeM:

Hari Operasi	Waktu
Isnin hingga Jumaat	Dalam tempoh 24 jam selepas pembayaran dilakukan.
Sabtu, Ahad dan Cuti Umum	Dalam tempoh 24 jam pada hari operasi berikutnya.

ARAHAN DAN MAKLUMAT KEPADA PEMBEKAL / KONTRAKTOR / SYARIKAT

- Sebut harga ini dipelawa kepada pembekal yang dimiliki 100% oleh rakyat tempatan dan memiliki sijil-sijil seperti berikut:
 - SIJIL SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM) DAN**
 - SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN, KOD BIDANG: 220108 [Kerja-kkerja Mengetuk dan Mengecat] DAN 220107 [Kerja-Kerja Khusus (baikpulih enjin) dan sebagainya] DAN**
 - SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN BERTARAF BUMIPUTERA**
- Pembelian Naskah Sebut Harga:**
 - Penyebut Harga yang berminat dengan tawaran sebut harga ini boleh **membeli Naskah Sebut Harga secara atas talian sahaja.**
 - Penyebut Harga perlu **memastikan syarikat memiliki sijil-sijil yang dinyatakan dan kod bidang yang ditetapkan, penyertaan akan **DIBATALKAN** sekiranya tidak memenuhi syarat ini.**
 - Penyebut Harga yang **berdaftar dan aktif dalam e-Vendor UTeM sahaja dibenarkan untuk membuat pembelian naskah sebut harga ini.** Sekiranya pembekal masih belum berdaftar dengan sistem e-Vendors UTeM, syarikat boleh mendaftar dengan UTeM secara online melalui <https://portal.utem.edu.my/iclm/> dan mengemukakan secara e-mel salinan dokumen pendaftaran/sijil ke perolehan@utem.edu.my. Kegagalan mematuhi syarat ini menyebabkan penyertaan syarikat **DIBATALKAN**.
 - Penyebut Harga perlu memastikan Perkara 2.b dan 2.c dipatuhi sebelum membuat pembayaran secara atas talian di link berikut: <https://epayment.utem.edu.my/perolehan/>
 - Dokumen Sebut Harga akan **diemelkan** kepada Penyebut Harga **setelah pembayaran diterima.**
 - Pihak Universiti berhak untuk **tidak mengemalikan bayaran yang telah dilakukan** sekiranya didapati **syarikat tidak memenuhi syarat yang telah dinyatakan** pada Notis Sebut Harga ini.

UTeM/SH/044/2021

3. Penghantaran Dokumen Tawaran Sebut Harga:

- a. Dokumen Sebut Harga perlu **dihantar dalam bentuk naskah cetakan (hardcopy)** dan perlu dimasukkan ke dalam **sampul surat berlakri**.
- b. **Penyerahan/penerimaan dokumen Sebut Harga melalui perkhidmatan pos berdaftar/ kurier sahaja** di alamat yang dinyatakan dan penerimaan berpusat di **Unit Mel UTeM** bermula dari **8 HINGGA 11 NOVEMBER 2021**. Penyebut Harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan **sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari**. **Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan**.
- c. **Tarikh dan masa tutup Sebut Harga dikira** semasa dokumen tawaran berada di Unit Mel UTeM sahaja. Penyebut Harga **perlu mengambil kira tempoh penghantaran dokumen tersebut** menepati tarikh dan masa tutup Sebut Harga ini.
- d. Setiap sampul tawaran Sebut Harga yang dipos oleh Penyebut Harga hanya untuk **SATU (1) tawaran sahaja daripada SATU (1) syarikat** bagi memudahkan proses penerimaan dan rekod dokumen.
- e. Dokumen tawaran Sebut Harga perlu dialamatkan ke **UNIT PEROLEHAN - UTeM/SH/044/2021, PEJABAT BENDAHARI, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA, HANG TUAH JAYA, 76100 DURIAN TUNGGAL MELAKA**.
- f. Syarikat perlu **menggunakan alamat syarikat yang berdaftar sebagai rujukan pengirim** pada dokumen yang dihantar melalui perkhidmatan pos berdaftar/ kurier bagi memudahkan proses penerimaan dan rujukan.
- g. Sampul Surat Besar yang digunakan untuk penghantaran dokumen tawaran sebut harga ini perlu menyatakan **NO. SEBUT HARGA di penjuru atas sebelah kiri** sampul surat tersebut dan **menyatakan alamat seperti di atas di ruangan tengah** sampul surat besar tersebut. Di akhir alamat perlu menyatakan sekali lagi **NO. SEBUT HARGA** (sila lihat contoh).

UTeM/SH/044/2021

UNIT PEROLEHAN - UTeM/SH/044/2021
PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
HANG TUAH JAYA
76100 DURIAN TUNGGAL
MELAKA.

Contoh paparan alamat di muka depan sampul surat besar.



.....
Tandatangan

KHAIRUL ANWAR B. ABD. TAHRIM
Penolong Bendahari Kanan
Pejabat Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

.....
Cap Jawatan